

KLIA 2, Royal juara bola jaring

SEREMBAN 3 Dis. - Pesta Konvo kesyenan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-10 2012 melabuhkan tirainya dengan menyaksikan pasukan KLIA 2 dan Royal muncul juara kejohanan bola jaring bagi kategori wanita dan lelaki di USIM, Nilai, di sini semalam.

Kejayaan itu sekali gus menyaksikan KLIA 2 membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM1,500 manakala PKNS yang menjadi naib johan bagi kategori wanita menerima RM1,000.

Pasukan Sweet Team yang menduduki tempat ketiga pula menerima hadiah wang tunai RM500 dan Dream Team di tempat keempat pula membawa pulang hadiah sebanyak RM200 bagi kategori sama.

Pengarah program, Nor Saleza Ahmad Puzi berkata, bagi kategori lelaki pula, pasukan Royal dari Kuala Lumpur berjaya membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM1,300 selepas menewaskan Legend Reds.



“Legend Reds yang muncul naib johan menerima RM800 manakala Extreme Team yang menduduki tempat ketiga membawa pulang RM500.

“Net Team Terengganu yang menduduki tempat keempat turut menerima hadiah wang tunai sebanyak RM200 bagi kategori lelaki,” katanya ketika ditemui di Kompleks Sukan Tunku Najihah, USIM di sini semalam.

Menurutnya, sebanyak 45 pasukan dari beberapa negeri menyertai kejohanan tersebut bagi merebut gelaran juara.

“Kita menerima penyertaan daripada 21 pasukan bagi kategori lelaki dan 24 pasukan bagi kategori wanita terbuka,” ujarnya.

Kejohanan tersebut merupakan sebahagian daripada program Pesta Konvo kesyenan USIM Ke-10 yang merupakan kerjasama antara USIM dan Kumpulan Utusan yang diadakan sejak 22 November lalu.



PARA peserta beraksi pada Kejohanan Bola Jaring Terbuka Sempena Pesta Konvo kesyenan Universiti Sains Islam Malaysia 2012 (USIM), Nilai, kelmarin.